

Kerajaan akan kaji penubuhan Suruhanjaya Kehakiman – PM

Oleh YULPISMAN ASLI
dan S. ANAND KUMAR

KUALA LUMPUR 18 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan mengkaji keperluan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Kehakiman.

“Kita perlu meneliti perkara itu, tetapi buat masa ini saya berpuas hati (dengan proses pelantikan hakim),” kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menghadiri Pemah Terbuka Tahun Baru Cina Parti Gerakan di sini, hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas keperluan menubuhkan suruhanjaya itu yang akan bertanggungjawab dalam pro-

ses pelantikan hakim seperti yang dibangkitkan oleh beberapa pihak sebelum ini, termasuk Majlis Peguam.

Cadangan pembentukan suruhanjaya itu pernah dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr. Rais Yatim dan menerima sokongan Majlis Peguam pada tahun 2000.

Bagaimanapun, tiga tahun selepas itu Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menolak cadangan tersebut kerana menganggapnya sebagai tidak perlu berikutan badan-badan tertentu yang terbentuk didapati sukar bertindak bebas.

Sebelum ini, Presiden Majlis Peguam, Yeoh Poh mahu penubuhan suruhanjaya itu disegerakan bagi memelihara in-

ME

Um-19/2/2007
Kita perlu meneliti perkara itu, tetapi buat masa ini saya berpuas hati (dengan proses pelantikan hakim)

ABDULLAH
AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

tegriti dan kewibawaan institusi kehakiman di negara ini.

Yang Poh berkata, sudah sampai masanya suruhanjaya itu ditubuhkan memandangkan kewibawaan hakim-hakim kini dipersoalkan.

Kewibawaan institusi kehakiman di negara ini dipersoalkan setelah tersebarny surat layang yang mendakwa ada hakim-hakim yang terlibat menerima ra-

suah.

Justeru, cadangan penubuhan suruhanjaya itu dibuat kerana ia akan dapat memastikan hanya mereka yang berkualiti dan berwibawa dilantik sebagai hakim.

Proses pemilihan hakim kini dilakukan atas cadangan Ketua Hakim Negara yang seterusnya dimaklumkan kepada Perdana Menteri dan mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.